

BAHASA MELAYU

oleh Musyfa'

Sebagai penyambung rencana saya di dalam majalah "Qalam" bilangan 17 yang lepas itu maka di sini saya dengan tulus ikhlas mengucapkan sepenuh-penuh tahniah kepada kaum-kaum muda kita Melayu yang sedang bergembira di Singapura dan di Malaya ini menubuhkan beberapa jemaah-jemaah bagi meluas mengaya dan membaiki bahasa Melayu dengan ditambah beberapa banyak perkataan-perkataan bahasa asing walaupun setengah-setengah tambahan itu ada berlainan sedikit-sedikit sebutannya daripada bahasa-bahasa asing yang asalnya itu. Rendah gunung tinggi harapan saya mudah-mudahan cita-cita dan perusahaan kaum-kaum muda kita itu kelak bermahkotakan kejayaan yang cemerlang. Insya-Allah Taala!

Setengah daripada kaum-kaum muda kita itu telah pula merekai beberapa cogan-cogan kata seperti:- Kaum Mudalah Harapan Bangsa – Orang-orang Mudalah Pemaju dan Pembela Bangsa – Pemuda Pemudilah Penghidupan Bangsa dan Nusa – dan banyak yang lain-lain lagi yang seumpamanya. Tetapi malangnya setengah daripada mereka itu yang bersemangat "pelampau" berkata bahawa orang-orang tua kita dahulu itu bodoh, dan salah tentang adat resamnya; bahasanya dan jalan adat pergaulannya siput kelembui, maka segala-galanya ini hendaklah dibuang langsung, atau sekurang-kurangnya diketepikan sehingga habis putus semuanya dengan mati beragan sahaja.

Berkenaan dengan kata-kata kaum muda kita yang bersemangat "pelampau" ataupun dengan perkataan-perkataan yang lain iaitu mereka yang bersemangat "moden barat" itu, beranilah saya berkata di sini bahawa semangat yang demikian itu salah yang amat nyata. Saya sendiri pun mengaku bahawa bila zaman berubah di dunia ini maka keadaan-keadaannya, adat lembaganya, bahasanya, dan agama-agamanya, pun berubah juga sedikit sebanyak walaupun berkenaan dengan agama Islam yang iaitulah sebenar-benar agama di sisi Allah, apatahlagi agama-agama yang bukan Islam. Bahawasanya Al-Islam itulah agama yang kekal

berketurunan daripada zaman datuk kita Nabi Allah Adam Alaihi Al-salam yang tiada siapa pun kita manusia zaman sekarang ini dapat mengirakan berapa puluh atau ratus ribu tahun lamanya dari semenjak Allah Subhanahu wa Taala telah jadikan Nabi Adam itu sehingga hari ini. Kita sekalian Muslimin dan Muslimat cuma tahu dan percaya bahawa junjungan kita Nabi Muhammad (SAW) itulah Nabi dan pesuruh Allah yang akhir sekali dan tahun hijra dan sekarang ialah 1371 dan kita umat Melayu telah memeluk agama Islam adalah kira-kira semenjak 500 tahun dahulu sahaja dan bahasa Melayu kita bercampur atau bersulam dengan bahasa Arab dan adat resam Melayu kita yang bersendikan hukum-hukum agama Islam ini pun boleh berubah-ubah atau orang-orang Melayu sendiri mengubahkannya kerana menurut peredaran zaman sekarang atau "zaman moden" yang sangat-sangat banyak perubahannya, maka inilah agaknya kebanyakan umat Melayu kita yang Islam sekarang ada lemah dan cenderung menurut tiupan "angin moden Barat" yang bukan Islam itu. Sesungguhnya bagaimana gaya tiruan kebanyakan orang-orang lelaki dan perempuan "Melayu moden" sekarang bersama-samalah kita sendiri ada menyaksikan dengan tidak payah saya menyebutkannya lagi di sini.

Sekarang saya berpatah semula menuju jalan bahasa Melayu yang orang-orang muda kita sedang berusaha hendak membetulkan, membaiki, menerangkan dan meluaskan supaya bahasa Melayu kita bertambah-tambah mahu dan masyhur. Sungguhpun saya belum mendapat kebahagiaan bertemu mata atau berkenal-kenalan dengan jalan berkirim-kiriman surat dengan Tuan Othman Kalam, tetapi kerap kali namanya tersebut di surat khabar-surat khabar selain daripada saya mendengar suaranya dari radio Malaya. Oleh sebab yang demikian sukacitalah saya apabila mendapat khabar yang ianya telah dipilih dan dilantik menjadi seorang ketua atau penasihat bagi satu daripada pertubuhan-pertubuhan yang hendak meluas dan meninggikan mutu bahasa Melayu kita sebagaimana yang dicita-citakan oleh orang Melayu. Saya harap juga Tuan Othman Kalam dapat mengorbankan masanya yang amat berharga itu pada memerhati,

menegur dan membetulkan perusahaan orang-orang muda kita yang ia mengetuai itu, supaya mudah-mudahan jangan mereka itu menjadi semula kanak-kanak nakal yang belum mengerti apa-apa maka apa sahaja didengar oleh mereka itu itulah yang diturut menyebutnya dan apa sahaja benda yang ada di hadapan mereka itu maka dicapainya lalu dimasukkan oleh mereka itu ke dalam mulut mereka itu masing-masing. Janganlah kiranya mereka itu sangkakan tiap-tiap yang baharu itu molek dan baik belaka dan tiap-tiap yang tua atau lama itu hodoh dan salah sahaja dan tidak boleh digunakan lagi! Janganlah disyakkan, bahawa di antara banyak yang baharu dengan banyak yang tua dan lama itu adalah di sisi kedua-dua zaman itu beberapa banyak manikam yang tinggi mutunya dan mahal harganya dan ada pula beberapa banyak permata-permata lencongan. Maka segala itu hendaklah dipilih sebelum dipakai.

Di dalam makalah saya yang lepas sudah saya sebutkan pertanyaan orang berkenaan dengan perkataan-perkataan Bahasa Melayu baharu iaitu “pemuda” dan “pemudi” maka di bawah ini menjawablah saya menurut pengetahuan saya yang tohor dan lapuk:-

Kerana hendak meniru dengan tujuan yang baik, akan gaya nahu dan saraf Arab, maka orang-orang muda kita, mengatakan “pemuda” itu bererti orang-orang muda lelaki dan “pemudi” yang perempuannya. Agaknya pereka-pereka perkataan ini terlupa ataupun tidak tahu bahawa adapun di dalam tuturan dan persuratan bahasa Melayu, huruf “pe” itu satu daripada beberapa huruf penambah. Bila ditambah “pe” pada sesuatu perkataan yang menunjukkan perbuatan (fiil) maka menjadilah perkataan itu alat (isim alat) atau isim fiil, iaitu perkakas atau alat membuat sesuatu benda, atau perkara, atau orang yang membuat sesuatu benda atau perkara misalnya:-

(1) Tulis (fiil) penulis (isim alat) sesuatu benda bagi menulis, atau (isim fiil) iaitu seorang yang menulis.

(2) Pukul (fiil) pemukul (isim alat), atau (isim fiil) iaitu sesuatu benda bagi memukul, atau (isim

fiil) seseorang yang memukul.

(3) Curi (fiil) pencuri (isim fiil) seorang yang mencuri.

(4) Muda (sifat) pemuda (isim alat) iaitu ubat atau sebagainya yang boleh memalingkan sifat tua kepada sifat muda, atau seseorang lelaki ataupun perempuan yang sama ada tua atau muda yang berkuasa boleh menjadikan seorang tua balik muda semula.

Maka zahir di sini bahawa seorang pemuda atau pemudi itu tidaklah ditentukan orang muda sahaja bahkan orang tua pun boleh dikatakan pemuda juga selagi seseorang itu cukup pandai seperti seorang tabib dengan kuasa ubatnya (alatnya) dapat ia kembalikan seorang tua menjadi muda. Tidakkah sekarang nampaklah perkataan “pemuda” dan “pemudi” itu salah tempat perdiriannya dan rekaan karut yang amat itu? Perbaiki dan pereka bahasa Melayu kita yang demikian samalah seperti tikus membaiki labu!

Tetapi di sini hendaklah ingat! Bahawa huruf “pe” itu tidaklah boleh dijadikan huruf penambah kepada sebarang apa perkataan yang sememang-memang dimulai dengan huruf “pe” seperti perkataan-perkataan perbuatan, pergi-pulang-putar-pusing-pesong-pulas-dan banyak yang lain-lain lagi itu.

Terbaca pula saya karangan seorang penulis yang memakai nama rekaan atau ringkasan “Yah Muar” di majalah “Hiboran” bilangan 218 di bahagian untuk menungan di bawah tajuk “Pemuda Pemudi dalam Kewajipan.” Di antara kata-katanya yang panjang lebar berkenaan hal orang-orang muda kita yang sedang berjuang menentang penjahat-penjahat di hutan-hutan itu sekarang penulis itu berkata:- “Wahai saudari-saudari kami yang bersekolah, diharap kamu semua merasai insaf di atas abang-abang dan saudara-saudara pemuda yang mengorbankan jiwa dan raganya terhadap peluru yang tidak disangka-sangka akan “membunuh jiwa” pemuda kita.....”

Pada pengetahuan saya bahawa jiwa tidak boleh dibunuh dengan apa senjata pun, kerana bila seseorang itu mati dengan apa sebab pun, tubuhnya menjadi mayat tidak

bergerak-geri lagi dan jiwanya yang dikatakan roh melayang ke suatu tempat yang lain (alam barzakh). Boleh dikatakan membuang jiwa atau mengorbankan jiwa, membunuh diri, dia mati diracun atau dibunuh orang dan hilang nyawanya di dalam peperangan, tetapi tiada boleh dikatakan jiwa atau nyawanya dibunuh!

Selain daripada yang tersebut di atas ini telah tersiar di dalam setengah akhbar dan majalah Melayu iklan-iklan:- Kita sedia menjual berbagai-bagai kitab agama, dan buku-buku cerita karangan moden, terutama sekali "Hikayat...." harganya\$ senaskhah dan 20 sen belanja pos. Kalau dibeli banyak harganya satu kodi.....\$ Tidak dikenakan belanja pos. Siapa-siapa yang hendak bolehlah berdamai dengan kedai.....and company, nombor.....Jalan.....Singapore.

Mengapa digunakan perkataan "berdamai" itu? Pada pengetahuan saya bahawa "berdamai" itu ertinya berbaik-bail semula kemudian daripada telah berkelahi, bermusuh, berkecil-kecil hati atau seumpamanya. Nampaknya beginilah gayanya orang-orang muda kita di Singapura dan di Malaya sekarang berusaha berlumba-lumba hendak membaiki, meluasi, mengayai bahasa Melayu kita dengan berbagai-bagai macam karut. Orang-orang tua kita yang dikatakan perkakas lama, lapuk dan bodoh, kuno, adalah berharap-harap mudah-mudahan anak cucu mereka itu yang muda-muda itulah yang akan membuka jalan-jalan yang lebih luas dan terang di alam Melayu kita serta memimpin si tua yang buta teraba-raba akan tetapi jika beginilah rupa kepandaian si muda-muda itu, haruslah kelak berlaku seperti "Si Rabun memimpin Si Buta" jugalah adanya.

Hai anakku! Kalau seorang sahabatmu marah kepadamu hingga tiga kali, tetapi tidak ia mencelamu, maka jadikanlah dia temanmu yang hampir - Ibnu Muhammad.

(sambungan dari muka 35)

kesemuanya yang kayanya atau yang miskinnya akan mengambil pemberian itu sebagai berkat.

Jeneral Muhammad Zahidi Bik tatkala menyambut wang tahunannya itu dengan tersenyum telah berkata kepada wakil majalah Al-Masur:

"Saya mengambilnya sebagai berkat ... dan saya akan menyimpannya di dalam saku saya setahun lamanya, sehingga tiba kepada masa menerima pemberian yang baharu pula maka pada ketika itu saya akan sedekahkan kepada fakir miskin.

"Sesungguhnya wang itu ialah wang yang berkat dengan tidak syak lagi."



Inilah surat pengenalan yang menunjukkan orang yang membawanya berhak menerima habuannya itu.

FARIDAH HANUM

Setia asyik kepada ma'syuknya

4 penggal-sepenggal \$1.00 -pos 10 sen.

Beli 4 penggal sekali tiada kena belanja pos
